



**TEKS UCAPAN PENYEMPURNAAN**

**YBHG. DATO' DR. ROSLAN BIN AHMAD  
TIMBALAN YANG DIPERTUA MAJLIS AGAMA ISLAM  
NEGERI PULAU PINANG (MAINPP)**

**SEMPENA**

**MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERJANJIAN  
PERSEFAHAMAN (MOU) PROGRAM PEMBIAYAAN  
MIKRO I-TEKAD ANTARA BANK ISLAM MALAYSIA  
BERHAD (BIMB) DENGAN ZAKAT PULAU PINANG**

**BILIK MESYUARAT UTAMA  
ZAKAT PULAU PINANG**

**29 JULAI 2022 (JUMAAT)**

***Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh***

**Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian**

1. Alhamdulillah, kita bersyukur kehadiran Allah SWT atas limpah kurnia, izin dan inayahNya, kita dapat bersama-sama di dalam majlis yang penuh barakah pada hari ini bagi menjayakan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) di antara Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) dengan Zakat Pulau Pinang bagi Inisiatif Pembiayaan Mikro i-TEKAD, Pembiayaan Mikro BangKIT dan Geran Perniagaan BankKIT (BBG) bagi tujuan pembangunan Usahawan Mikro yang belum layak mendapat kemudahan pembiayaan perbankan.

2. Terlebih dahulu, saya merakam ucapan terima kasih kepada Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) dan Zakat Pulau Pinang di atas kesudian menjemput saya untuk bersama-sama berada di majlis pada pagi ini.
  
3. Saya merasa sangat bertuah kerana pada hari ini, Zakat Pulau Pinang dan pihak Bank Islam Malaysia Berhad dapat melebarkan jaringan kerjasama dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti pemerkasaan usahawan asnaf di Pulau Pinang.

**Hadirin sekalian,**

4. Melalui pemahaman saya, program Pembiayaan Mikro i-TEKAD Bank Islam Malaysia Berhad ini merupakan salah satu program di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN)

bagi membantu usahawan mikro khususnya dalam kalangan B40 dan asnaf untuk membantu menjana pendapatan mampan dan daya tahan kewangan perusahaan mikro.

5. Justeru, secara khususnya dapat saya simpulkan bahawa program Pembiayaan Mikro i-TEKAD yang bakal dimeterai melalui Memorandum Persefahaman ini merupakan inisiatif kewangan sosial yang bertujuan khusus menyokong dan memudahkan pembiayaan bagi usahawan mikro asnaf dan B40 yang kehilangan pendapatan akibat wabak COVID-19.
6. Program ini direka untuk menggunakan sumbangan kewangan sosial (seperti zakat, wakaf dan sedekah) bagi penyediaan modal permulaan yang digabungkan

dengan pembiayaan mikro berpatutan untuk pemohon yang layak.

7. Melalui program ini juga, bank peserta dengan kerjasama beberapa Majlis Agama Islam Negeri-negeri dan institusi zakat akan membantu usahawan mikro yang layak dan saya difahamkan bahawa Bank Islam Malaysia Berhad merupakan bank pertama yang melaksanakan program iTEKAD ini.

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

8. Saya percaya walaupun pandemik COVID-19 dan sekatan yang berlaku telah menjejaskan ekonomi global dan negara pada tahun 2020 dan 2021, asas ekonomi Pulau Pinang yang kukuh terus menyerlahkan trajektori pertumbuhan dagangan di

negeri ini. Dalam Belanjawan Negeri Pulau Pinang 2022, kerajaan negeri telah meneruskan usaha-usaha yang diputuskan dalam Jawatankuasa *Penang Socio Economic Recovery Consultative Council* (PSERCC) untuk memastikan strategi jangka pendek dan sederhana bagi merangsang pertumbuhan ekonomi, menarik pelaburan asing dan tempatan serta menentukan pembangunan sosio-ekonomi yang mampan pasca PKP yang mencakupi Sektor Industri/Industri Kecil dan Sederhana (IKS)/Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)/Peruncitan; Sektor Pasaran Tenaga Kerja; Sektor Perumahan; Sektor Infrastruktur dan Pengangkutan; Sektor Pelancongan dan Sektor Industri Makanan.

9. Sehubungan dengan itu, selari dengan prestasi kemampuan kutipan dan agihan Zakat Pulau Pinang

tahun 2021 yang lalu, saya berkeyakinan bahawa Zakat Pulau Pinang telah menyusun strategi melalui program pemeraksanaan asnaf yang bersesuaian dengan hasrat kerajaan negeri bagi memastikan jaminan sosio-ekonomi ummah terutama mengukuhkan kitaran ekosistem usahawan asnaf di Pulau Pinang yang berdaya tahan.

### **Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dirahmati Allah,**

10. Tujuan dan hikmah Allah SWT mensyariatkan zakat adalah untuk mengagihkan sebahagian kecil daripada kekayaan golongan yang berada kepada golongan yang miskin dan memerlukan, serta membersihkan diri pembayar zakat daripada sifat sombong, kedekut dan tamak.

11. Zakat telah memainkan peranan sebagai instrumen agihan ekonomi yang seimbang bagi mengurangkan kadar kemiskinan, meningkatkan taraf dan kualiti kehidupan, menyediakan kehidupan yang selesa dan sejahtera di masa hadapan.

12. Zakat juga merupakan nadi utama dalam membangunkan masyarakat untuk melengkapinya keperluan dalam kehidupan yang menjadi alat atau mekanisme dalam kestabilan ekonomi Islam kerana ia dapat merapatkan jurang di antara golongan yang kaya dan miskin, sekaligus mencapai keadilan sosial ekonomi dalam kalangan masyarakat khususnya di Pulau Pinang.



**Hadirin sekalian,**

13. Bersesuaian Program Pemerkasaan Asnaf ZPP yang giat dilaksanakan pada tahun ini, saya sangat berharap agar program ini membolehkan para usahawan asnaf yang terpilih dapat memohon pembiayaan untuk mengembangkan dan mengekalkan perniagaan mereka dengan menggunakan pembiayaan yang patuh syariah. Pelaksanaan ini merupakan pelan jangka panjang bagi merealisasikan agenda pembasmian kemiskinan kerana isu kemiskinan perlu ditangani secara berterusan dan bukannya pada musim-musim tertentu sahaja.

14. Saya berharap agar skop kerjasama ini bakal memberi impak yang positif dalam membantu usaha

memastikan terdapat perubahan sub-sosioekonomi keluarga asnaf yang sering dikaitkan dengan sub-sosioekonomi pasif kepada satu sub-sosioekonomi proaktif dan positif menerusi pelan pembangunan pemerkasaan asnaf.

15. Semoga hasil diakhirnya nanti dapat membentuk insan yang bertaqwa dan mengubah kehidupan yang lebih baik seterusnya menjadi pembayar zakat di Pulau Pinang.

**Hadirin Hadirat sekalian,**

16. Saya berharap agar Memorandum Persefahaman (MOU) yang dimeterai pada hari ini akan menjadi satu 'milestone' sebagai penanda permulaan satu usahasama yang akan membuahkan hasil dan

memberi manfaat kepada masyarakat Muslim di negeri Pulau Pinang.

17. Saya berharap dan berdoa agar perjalanan kita ini akan mendapat keberkatan dari Ilahi dan dapat memastikan kita sentiasa berada di atas landasan yang betul bagi kebaikan generasi masa hadapan.

18. Bagi mengakhiri ucapan ini, saya mengambil kesempatan sekali lagi bagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat menjayakan majlis pada hari ini terutamanya Ustaz Mohamad Kairi bin Ghazalli, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi), Zakat Pulau Pinang dan al-Fadhil Tuan Haji Ustaz Mohd Nazri Chik, Ketua Pegawai Rangkuman Kewangan Kumpulan Bank Islam

Malaysia Berhad dan delegasi BIMB yang hadir pada hari ini.

19. Saya juga ingin mengucapkan sekalung tahniah kepada urusetia dalam kalangan kakitangan Zakat Pulau Pinang yang telah menjayakan majlis ini.

20. Akhir kalam, dengan lafaz ***Bismillahi Rahman nir Rahim*** saya menyempurnakan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) Inisiatif Pembiayaan Mikro i-TEKAD, Pembiayaan Mikro BangKIT dan Geran Perniagaan BankIT (BBG) bagi tujuan pembangunan Usahawan Mikro yang belum layak mendapat kemudahan pembiayaan perbankan di antara Bank Islam Malaysia Berhad dengan Zakat Pulau Pinang.

**21. Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah**

**Wassalamualaikum Warahmatulahi wabaratu.**